

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, October 16, 2018 9:04 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Personal Digital Mutawwif Mudahkan Jemaah Tunaikan Ibadah Haji Dan Umrah



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

16 OKTOBER 2018 / 07 SAFAR 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

PERSONAL DIGITAL MUTAWWIF MUDAHKAN JEMAAH TUNAIKAN IBADAH HAJI DAN UMRAH



UUM ONLINE: Menyedari kesukaran bergantung kepada buku panduan manual ketika menunaikan ibadah haji dan umrah khususnya, penyelidik dari Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMTC), Prof Madya Dr Ariffin Abdul Mutalib telah membangunkan aplikasi digital '*Personal Digital Mutawwif*' (PDM) yang mampu membantu

menyelesaikan pelbagai kesukaran yang dihadapi oleh jemaah sepanjang berada di Tanah Suci Mekah.

Berbekalkan dana Geran Pasca Siswazah berjumlah RM10,000, beliau bersama ahli pasukannya, Ahmed Sheikh Abdullah Al-Aidaroos mengambil inisiatif untuk memudahkan jemaah haji khususnya dalam amalan haji dan umrah serta menjalani ibadah termasuk membaca doa dan zikir berdasarkan lokasi semasa mereka.

Umumnya, ibadah haji dan umrah dijalankan dalam suasana yang sangat padat dengan jemaah dari seluruh dunia dan jemaah pula perlu memberi perhatian kepada mutawwif serta buku panduan ibadah yang disediakan.

Jemaah yang berada di Tanah Suci pula ada pelbagai kategori, ada yang gagah dan lancar membaca mungkin kurang menghadapi masalah berbanding jemaah yang kurang lancar membaca (terutama Bahasa Al-Quran), rabun dan lemah tenaga yang mana kesesakan dalam lokasi ibadah memberi kesukaran kepada mereka untuk melaksanakan amalan yang terbaik.

Dalam keadaan yang bersesak-sesak itu, buku panduan mungkin akan terjatuh, halaman tertukar atau lupa pusingan tawaf sudah menjadi perkara biasa.

Prof Madya Dr Ariffin berkata, mereka membangunkan aplikasi PDM untuk melaksanakan peranan mutawwif dengan membolehkan setiap jemaah mempunyai mutawwif peribadi.

"Peranan yang dimainkan oleh PDM termasuk menyediakan semua doa dan zikir di setiap lokasi dalam ibadah haji dan umrah berserta pengkisahan di setiap lokaliti.

"Bagi setiap zikir dan doa, PDM bukan hanya sediakan dalam bentuk tulisan, malah PDM juga bacakan kepada jemaah untuk membolehkan mereka membaca bersama dengan yakin," katanya.

Tambah beliau, bacaan oleh PDM direka bentuk bersesuaian dengan konteks penggunaan iaitu bacaan yang jelas, tidak terlalu laju dan tidak terlalu perlahan, bagi membolehkan jemaah membacanya dengan tepat.


Ujarnya, aplikasi yang menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi bagi membantu jemaah ini berfungsi pada platform Android dan iOS yang mana ia memaparkan teks dalam Bahasa Arab dan terjemahan dalam Bahasa Malaysia serta audio bagi doa dan zikir yang dikumpul dan disahkan menggunakan Java 2 Platform, Micro Edition (J2ME).

Beliau yang juga Dekan SMMTC berkata, aplikasi itu terbukti berguna kerana ianya mudah dan senang untuk kegunaan jemaah haji dan umrah kerana ia bukan sahaja beroperasi menggunakan antaramuka butang, malah menerima arahan suara dan GPS untuk berinteraksi dengan pengguna.

"Bagaimanapun, PDM ini bukan dibangunkan bagi menggantikan tugas mutawwif (manusia) atau pendekatan sedia ada untuk membaca doa dan zikir, sebaliknya ia dibangunkan sebagai alternatif bersesuaian dengan kemampuan teknologi.

"Jemaah seharusnya belajar dahulu mengenai ibadah haji dan umrah beserta segala doa dan zikirnya sebelum berada di Tanah Suci dan sebaiknya, proses belajar itu dilakukan bersama guru yang fakih, agar apabila berada di Tanah Suci, penggunaan alat bantu apa pun menjadi lancar," katanya.

Hasil ciptaan PDM itu turut melayakkan beliau dan Ahmed Sheikh Abdullah Al-Aidaroosa memperoleh pingat gangsa pada Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) 2017, Best Paper Award pada Creative Industry International Conference 2015 (CIIC) dan pingat perak di National University Carnival of E-Learning (NUCEL).



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.